

# Motivasi pelajar ingin maju

## ► UMS, PIBG SMK Ranau adakan program Bicara Ilmu

UB 14.8.2017 B3

Oleh JAINUDIN NASIR

**P**ROGRAM Bicara Ilmu anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) Fakulti Psikologi dan Pendidikan dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ranau telah diadakan di dewan perdana sekolah itu.

Ita dilihat sebagai satu usaha positif ke arah merangka semula 4K Pemikiran Abad Ke-21 yang

berjaya menganjurkan program itu yang sememangnya amat penting untuk pendedahan kepada pelajar sekolah, sama ada pelajar normal mahupun pelajar pendidikan khas dan juga kepada para ibu bapa.

“Program murni ini diharapkan dapat memberi motivasi kepada golongan pelajar supaya mempunyai keinginan untuk maju menjadi individu cemerlang bukan sahaja boleh berdikari malah, berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara pada masa akan datang,” katanya.



**KETIBAAN** Masidi disambut mesra oleh jawatankuasa penganjur.



**TARIAN** tradisi sumazau oleh pelajar SMK Ranau menyambut ketibaan Masidi dan rombongan.

merangkumi Pemikiran Kritis, Kreativiti, Komunikasi dan Kolaborasi.

Inisiatif seumpamanya juga memberi ruang dan peluang kepada pelajar prasekolah dan pelajar pendidikan khas mengembangkan jasmani, emosi, rohani, intelek serta sosial melalui aktiviti yang dipertandingkan seperti mewarna dan melatih pelajar mengikuti asas usahawan menerusi aktiviti ‘Fun Fair Kedai Mimi’, sekaligus memupuk keusahawanan dalam kalangan ibu bapa.

Sempena program itu, diadakan pameran melanjutkan pelajaran ke UMS dan pameran buku terbitan UMS, selain dua ceramah utama iaitu, ‘Mendidik Anak Cemerlang menerusi 4K’ oleh Prof Dr Vincent Pang dan ‘Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)’ oleh Prof Madya Dr Ho Chong Mun, kedua-duanya pensyarah UMS.

Program yang julungkali diadakan itu telah dirasmikan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar yang juga Adun Karanaan Datuk Seri Panglima Masidi Manjun.

Masidi dalam ucapannya memuji inisiatif UMS dan PIBG SMK Ranau kerana

Beliau menegaskan hanya menerusi pembacaan sahaja seseorang akan dapat ilmu pengetahuan yang boleh diaplikasikan untuk memajukan diri dalam kehidupan yang semakin mencabar dalam abad ke-21 ini.

“Saya menyeru kepada semua pelajar sekolah, guru dan ibu bapa supaya membudayakan tabiat suka

membaca untuk menimba ilmu pengetahuan yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian,” katanya.

Masidi menegur sikap segelintir masyarakat yang berlagak pandai dan bangga sudah memiliki ijazah, tetapi masih gagal memanfaatkan kemahiran untuk mencapai kecemerlangan hidup untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

“Program murni ini diharapkan dapat memberi motivasi kepada golongan pelajar supaya mempunyai keinginan untuk maju menjadi individu cemerlang bukan sahaja boleh berdikari malah, berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara pada masa akan datang.”

### DATUK SERI PANGLIMA MASIDI MANJUN

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar yang juga Adun Karanaan

“Sebaliknya, dia hanya membuang masa menunggu mendapatkan sesuatu pekerjaan yang belum tentu bersesuaian dengan kelulusan (ijazah) yang dimilikinya.

“Jika ini berlaku maka, itu satu kerugian hidup bangsa kita yang tidak mahu berusaha dan tidak ada pemikiran positif serta kreativiti untuk maju,” katanya yang juga Exco Pendidikan Negeri Sabah.

Menurut beliau, orang yang cerdik pandai dan berjaya dalam hidup adalah

mereka yang rajin membaca dan bijak memanfaatkan kebolehan diri untuk mengejar kejayaan.

Terdahulu, Pensyarah Kanan Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS yang juga Pengarah Program Dr Connie Cassey Ompok berkata dalam bidang pendidikan yang semakin mencabar ini, perlu melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran abad ke-21.

Ita dilakukan dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya berteraskan amalan nilai murni, sebagai satu usaha signifikan.

“Menyedari kepentingan itu, mendorong pihak UMS bekerjasama dengan PIBG sekolah ini menganjurkan



**JASNIN** (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Ho.



**VINCENT** (kiri) menerima cenderahati daripada pihak SMK Ranau.



**CONNIE** (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Barizah.

khidmat masyarakat bagi mencapai tujuan itu,” katanya.

Turut hadir, Yang Dipertua (YDP) PIBG SMK Ranau Jasnin Suman,

Pengarah PLUMS Prof Madya Dr Arsiyah Bahrom, Pengarah dan Penerbit UMS Prof Madya Dr Asmady Idris dan Pengetua SMK Ranau Barizah Mohd Kahar.



**ANTARA** kanak-kanak yang menyertai pertandingan melukis.



**WARGA** pendidik dan ibu bapa mengunjungi pameran dan jualan buku terbitan UMS.